



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

No. Ruj: JPA.100-11/2/11 (19)

Tarikh: 27 Oktober 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELANCARAN TABUNG AMANAH KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI PERINGKAT PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Mesyuarat bersama Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara pada 24 Oktober 2023 telah melancarkan Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin di peringkat Perkhidmatan Awam. Pelancaran tabung kemanusiaan ini dilaksanakan sebagai tanda solidariti penjawat awam dalam membantu rakyat Palestin.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk melancarkan tabung ini di peringkat kementerian, jabatan dan agensi masing-masing sehingga

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan

Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2015
NO. SIJIL : QMS 01894

10 November 2023. Hasil sumbangan yang telah diterima di peringkat kementerian, jabatan dan agensi boleh disalurkan terus ke:

Akaun : Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP)
(Akaun ini adalah di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri)
Bank : CIMB Islamic Bank Berhad
No. Akaun : 86-0030248-9
Rujukan : **PENJAWAT AWAM**

4. Untuk makluman, jumlah sumbangan daripada setiap kementerian, jabatan dan agensi akan diserahkan kepada YAB Perdana Menteri. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memantau dan merekodkan semua sumbangan warga kementerian, jabatan dan agensi, sama ada secara tunai atau pindahan dalam talian, dan melaporkan kepada Jabatan ini **melalui emel a.bkp@jpa.gov.my** selewat-lewatnya pada **13 November 2023** bagi tujuan penyelarasan jumlah kutipan di peringkat perkhidmatan awam.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pegawai berikut sedia untuk dihubungi:

Nama : Puan Norhaslinda Bt Ismail
No. Telefon : 03-8885 3870

Nama : Puan Siti Hamidah Bt Jambari
No. Telefon : 03-8885 3306

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SERI DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)